



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 15 /2014

Rujukan : Bil (45) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

07 Oktober 2014

Tuan Setiausaha Bandaraya
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

**PEMBATALAN BAGI PESANAN TEMPATAN ("LO") YANG MELEBIHI
TEMPOH SEBULAN DARI TARIKH IANYA DIKELUARKAN**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan rekod kewangan akhir-akhir ini, terdapat Pesanan Tempatan ('LO') yang diproses melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu SEBULAN dari tarikh ianya dikeluarkan yang boleh menyumbang kepada pengurusan perolehan dan pembayaran yang tidak efisien.
3. Sehubungan dengan itu, bagi menambahbaik pengurusan perolehan Majlis, **mana-mana Pesanan Tempatan yang telah tidak diselesaikan dalam tempoh SEBULAN dari tarikh ianya dikeluarkan akan dibatalkan serta merta dan pembayaran ke atas Pesanan Tempatan yang dibatalkan tidak akan diproses.**
4. Pengecualian bagi Arahan Kewangan ini perlu mendapat kelulusan saya selaku Pegawai Pengawal dan permohonan pengecualian perlu disertakan dengan justifikasi lengkap dan munasabah sebab kelewatan berlaku.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 15 /2014

5. Untuk makluman, Arahan Kewangan ini perlu dibaca bersama dan terpakai dengan Arahan Kewangan yang berkaitan dan Arahan-Arahan Kewangan berikut:


- i. Arahan Kewangan Bil. 3/2012
- ii. Arahan Kewangan Bil.4/2012
- iii. Arahan Kewangan Bil.3/2013

6. Oleh itu, semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit adalah dimaklumkan dan dikehendaki untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi penambahbaikan yang dinyatakan di atas. Diharapkan dengan penambahbaikan ini dapat meningkatkan lagi kecekapan Pengurusan Perolehan dan Pembayaran di Majlis Bandaraya Ipoh. Adalah juga dimaklumkan **perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HARUN BIN RAWI)
Datuk Bandar Ipoh



"KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI"